

06 JAN 1997

SISTEM KONSENSUS BN TIDAK PERLU DIUBAH

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda dan Wanita MIC berkata sistem konsensus Barisan Nasional (BN) tidak perlu diubah seperti dicadangkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Ketua Wanita MIC Puan Sri P. Sarasa dan Ketua Pemuda MIC S. Subramaniam, dalam satu kenyataan bersama di sini berkata setakat ini, sistem sekarang telah berjalan dengan baik bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian di negara ini.

"Para pengasas perjuangan kemerdekaan negara menghasilkan sistem konsensus yang telah menjadi asas bagi kestabilan politik dan kemakmuran negara," kata mereka.

Mereka menarik perhatian kepada Parti Melayu Semangat 46 yang telah dibubarkan dan anggotanya diserapkan ke dalam Umno demi perpaduan Melayu dan berkata amalan yang sama harus terpakai bagi part-parti lain BN.

"Mengapa sistem itu perlu dikaji semula bagi memenuhi kehendak individu," kata mereka ketika merujuk kepada kenyataan Ahmad Zahid Hamidi semalam bahawa cadangan Barisan Kemajuan India (IPF) supaya sistem konsensus dikaji semula akan dibawa kepada pengetahuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membolehkan IPF menyertai BN.

Sementara itu, Kongres India Muslim Malaysia menyambut baik kenyataan Ahmad Zahid mengenai isu itu.

Setiausaha Agungnya, Amir Amsaa Alla Pitchay, berkata dalam satu kenyataan di sini parti itu berharap BN akan mengkaji sistem itu untuk membolehkan lebih banyak parti kecil menyertai BN. -- BERNAMA

RHM JK FAZ